

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YDP BARU KOPMEDIA



Encik Rosli sedang memberi beberapa cadangan untuk aktiviti KOPMEDIA sambil diperhatikan oleh Anggota Lembaga dan pengurusan KOPMEDIA.



Encik Rosli sedang membelek Gold Bar KOPMEDIA yang merupakan salah satu produk perniagaan KOPMEDIA.



Encik Mohd Fadzil Abdul Ghani sedang menyampaikan cenderahati kepada Encik Rosli Sabarudin sambil diperhatikan oleh Setiausaha KOPMEDIA, Encik Abdul Rahim Llin (kiri)

10 JUN 2025 – Anggota Lembaga dan pihak pengurusan KOPMEDIA telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Encik Rosli Sabarudin, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Media Prima Berhad, di pejabat beliau, di Bilik Ahli Lembaga Media Prima Berhad, Level 5, Anjung Liku baru-baru ini.

Kunjungan ini bertujuan menyampaikan penghargaan atas kesudian beliau menerima pelantikan sebagai Yang diPertua KOPMEDIA, serta berkongsi perkembangan semasa dan perancangan strategik koperasi. Pihak KOPMEDIA turut membentangkan laporan prestasi semasa serta inisiatif yang sedang dan bakal dilaksanakan dalam usaha memperkukuh kedudukan koperasi.

Dalam pertemuan yang penuh mesra ini, Encik Rosli turut menyampaikan pandangan dan cadangan bernas untuk memantapkan lagi operasi dan model perniagaan KOPMEDIA. Antara yang dikongsikan termasuk strategi penambahbaikan serta peluang baharu yang boleh diterokai demi memperkasa koperasi ke arah lebih mampan dan berdaya saing.

KOPMEDIA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Encik Rosli menerima kunjungan ini serta komitmen beliau dalam menyumbang idea bernas yang amat bernilai demi kejayaan bersama.

#KOPMEDIA
#PELANSTRATEGIKKOPMEDIA2030
#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAGIA